



**MEMO**

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**RUJUKAN** : PLPKL/SA/10/82 Jld.2 ( 42)

**TARIKH** : 16 November 2011

<b>TAJUK</b>	<b>ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL 14 TAHUN 2011 JADUAL WAKTU MINUM PAGI</b>	
<b>DARIPADA</b>	Pengarah CIAST	
<b>KEPADA</b>	Semua Kakitangan CIAST	<b>SALINAN:</b>  Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran
<b>MELALUI</b>	Ketua Bahagian/Program <i>PEM</i>	

**1. TUJUAN**

Menyelaras jadual waktu minum pagi kakitangan CIAST.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Merujuk kepada Perintah Am, waktu kerja pejabat adalah mulai 7.30 pagi hingga 5.30 petang mengikut waktu berperingkat yang ditetapkan, tiada peruntukan masa yang diberi kepada kakitangan kerajaan keluar minum pagi melainkan waktu rehat pada jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang.

2.2 Walaupun demikian didapati menjadi kelaziman kakitangan kerajaan keluar minum pagi dalam waktu kerja pejabat. Oleh yang demikian perkara ini perlu diselaraskan dengan kebenaran Ketua Jabatan. Ini bagi mengelakkan kakitangan keluar minum pagi tanpa dirancang dan boleh menjejaskan kelancaran tugas harian jabatan..

**3. ARAHAN**

3.1. Kakitangan CIAST bila perlu dibenarkan untuk minum pagi tidak melebihi 20 minit setiap seorang secara bergilir-gilir dengan persetujuan Ketua Bahagian/Ketua Program/Penyelia tanpa menjejaskan kelancaran perkhidmatan dan tugas semasa.

*PT*  
*Malikuman PEM*  
*16/11*



3.2 Masa keluar minum pagi hendaklah dibuat dalam tempoh masa berikut;

- i. 9.30 pagi - 10.00 pagi atau
- ii. 10.00 pagi - 10.30 pagi atau
- iii. 10.30 pagi - 11.00 pagi

3.2. Setiap program/bahagian adalah digalakkan supaya **mewujudkan pantri** di sudut yang sesuai bagi kemudahan kakitangan minum pagi tanpa perlu keluar pejabat.


3.3 Sehubungan dengan itu, kerjasama semua kakitangan diperlukan bagi mematuhi peraturan diatas supaya **aktiviti keluar minum pagi dalam waktu kerja pejabat dapat dikurangkan** atau jika ada keperluan di buat dengan lebih teratur tanpa menjejaskan kelancaran tugas haian pejabat.

4. Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh arahan pengurusan ini dikeluarkan.

Sekian.

**Berkhidmat Untuk Negara**

**"Pekerja Merealisesi Transformasi Negara"**

  
**(GHAZLAN BIN GHAZALI)**  
Pengarah CIAST  
Shah Alam, SELANGOR.

kbkp/arahan pengurusan/ap14.11 mINUM